



## Masyarakat pribumi, infrastruktur sosial dan pembangunan terancang di Malaysia: Kajian penglibatan masyarakat Orang Asli di RPS Air Banun, Belum-Temengor, Perak

Kamal Solhaimi Fadzil<sup>1</sup>, Wan Suzita Wan Ibrahim<sup>2</sup>, Siti Nor Awang<sup>1</sup>, Rosilawati Zainol<sup>2</sup>, Juli Edo<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaya, <sup>2</sup>Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

Correspondence: Kamal Solhaimi Fadzil (email: [kamalsolhaimi@hotmail.com](mailto:kamalsolhaimi@hotmail.com))

### Abstrak

Kemudahan infrastruktur sosial melibatkan penyediaan kemudahan, perkhidmatan dan rangkaian perhubungan yang penting bagi memenuhi keperluan asas manusia. Kemudahan infrastruktur yang sempurna yang disediakan untuk masyarakat menjadi lambang kemodenan, pembangunan dan perubahan. Penyediaan infrastruktur sosial di Malaysia adalah membanggakan semenjak negara mencapai kemerdekaan. Walaubagaimanapun, masih terdapat sesetengah masyarakat yang masih belum menerima kemudahan infrastruktur sosial yang sewajarnya. Kajian ini menilai keperluan infrastruktur sosial yang disediakan kepada masyarakat Orang Asli di Malaysia. Data primer diperolehi daripada kajian di sembilan daripada 18 buah perkampungan Orang Asli di RPS Air Banun, Perak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesan pembangunan kemudahan sosial yang terdapat di kawasan penempatan komuniti Orang Asli di RPS Air Banun masih tidak mencukupi. Kerjasama dan perhatian daripada pihak berkepentingan amat diperlukan untuk memastikan mereka berupaya menerima kemudahan sosial asas sama seperti masyarakat Malaysia yang lain, terutama dalam konteks pembangunan terancang seperti terangkup di dalam Pelan Induk Bersepadu bagi kawasan Hutan Tropikal Belum Temengor (IMP BTTR).

**Katakunci:** hutan hujan tropika Belum-Temengor, infrastruktur sosial, Orang Asli, pembangunan terancang, penglibatan komuniti tempatan, Rancangan Pengumpulan Semula Belum-Temengor

## Indigenous community, social infrastructure and planned development in Malaysia: A study of community participation in the Air Banun resettlement scheme, Belum-Temengor, Perak

### Abstract

Community development requires some degree of infrastructural capacity. A complete basic social infrastructure provided in any community is a symbol of modernization, development and transformation in any community. The provision of social infrastructure in Malaysia has, in general, reached a commendable level since independence. However, there still exist local communities that have not benefited from adequate social infrastructure facilities. This study evaluated the social infrastructure needs of some Orang Asli communities in Malaysia. Primary data were gathered from a field survey of nine out of approximately 18 Orang Asli communities in the Air Banun resettlement area, Perak. The findings indicated that the provision of the social infrastructure in these areas were not satisfactory in comparison to that of other communities in the country. Given the current focus on developing the region as an ecotourism hub by the NCIA, it is timely that the authorities strengthened the much needed social

infrastructure so that indigenous communities can engage themselves effectively and meaningfully in the planned development process.

**Keywords:** Belum-Temengor tropical rainforest, indigenous people, local community participation, planned development, Resettlement Scheme, social infrastructure

## Pengenalan

Perancangan pembangunan di Malaysia dilakukan dengan teratur dan strategik bermula dengan Rancangan Malaysia Pertama, 1966-1970. Cabaran pembangunan terhadap sumber manusia telah mula diketengahkan semenjak Rancangan Malaysia ke tujuh (RMK7) dengan strategik pembangunan ke arah meningkatkan pembangunan seimbang di antara fizikal dan sosio ekonomi. Salah satu teras utama dalam merealisasikan pembangunan tersebut ialah dengan menyediakan kemudahan asas dan infrastruktur kepada masyarakat dengan secukupnya. Program pembangunan yang dilaksanakan memberi kesan menyeluruh kepada masyarakat sehingga membentuk transformasi sosial (Mohd Nur Syufaat & Seow Ta Wee, 2015). Perancangan terkini berpandukan kepada perancangan mengikut wilayah yang dilaksanakan oleh NCIA di bawah Pelan Induk Bersepadu Hutan Tropika Belum Temengor (IMP BTTR) memberi tumpuan terhadap keupayaan masyarakat Orang Asli di Belum-Temengor secara efektif dalam pembangunan berteraskan ekopelancongan.

Secara umumnya masyarakat Orang Asli masih ketinggalan berbanding masyarakat Malaysia yang lain. Golongan ini hanya mula mendapat perhatian khusus menerusi Rancangan Malaysia ke 4 (RMK 4) yang dilancarkan pada 1981, di mana mereka telah diberi beberapa kemudahan asas dan infrastruktur seperti rumah, bekalan air, sekolah, surau dan sebagainya. Usaha meningkatkan kemajuan dan pembangunan dalam kalangan masyarakat Orang Asli mula menampakkan keseriusannya apabila pihak kerajaan telah memperkenalkan program yang dikenali sebagai Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Orang Asli pada tahun 1983. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti infrastruktur yang sedia ada dan membincangkan keupayaan masyarakat Orang Asli di Belum-Temengor melibatkan diri secara efektif dalam perancangan ekopelancongan BTTR.

## Pembangunan terancang berteraskan pembangunan koridor utara

Mengikut A. Latiff dan I. Faridah-Hanum (2011), kawasan Royal Belum telah dikenalpasti sebagai kawasan pembangunan lestari oleh NCER pada tahun 2008 dan Pelan Perancangan Malaysia ke-9 dan ke-10. Untuk melaksanakan perancangan tersebut, sebuah agensi pelaksana, NCIA telah menghasilkan Pelan Induk Bersepadu bagi kawasan Hutan Hujan Tropikal Belum Temenggor (IMP BTTR). Di bawah *Economic Transformation Programme* (ETP), kawasan Hutan Belum-Temengor dikenalpasti sebagai satu kawasan yang bertaraf *Mega Biodiversity hub*, dan ini menjadikan kawasan ini sebagai kawasan konservasi dan berpotensi bagi tujuan ekopelancongan. Berdasarkan pembangunan yang dirancangan, pelancong dijangka meningkat dari 107, 000 pada tahun 2012 kepada 400,000 menjelang 2020. Bagi tujuan memajukan BTTR, IMP telah mengenalpasti 12 program bagi menyempurnakan objektifnya antaranya, pentadbiran secara lestari, Belum Tourism Company, pemasaran dan perhubungan awam, infrastruktur dan produk pembangunan, pembangunan Masyarakat Orang Asli dan lain-lain (NCIA, 2012)

Berdasarkan IMP Orang Asli telah disenaraikan sebagai salah satu daripada 12 program tersebut. Orang Asli di lihat sebagai satu produk penting dalam ekopelancongan, menerusi pelan ini terdapat empat target yang diutamakan antaranya, pelancongan kampung, konservasi komuniti, pembangunan komuniti dan pelancongan budaya (NCIA, 2012)

Pelan pembangunan berasaskan ekopelancongan yang dirancangan oleh NCIA mempunyai potensi yang besar bagi menjana ekonomi masyarakat tempatan termasuk Orang Asli. Persoalannya, adakah

masyarakat Orang Asli sedia mengambil peluang dari pembangunan terancang ini? Adakah mereka mempunyai keupayaan dari segi infrastruktur sosial untuk terlibat sama seperti yang dirancang IMP BTTR? Dengan menggunakan maklumat dari sembilan kampung di kawasan Belum-Temengor kami membincangkan keupayaan masyarakat Orang Asli melibatkan diri dalam pembangunan terancang yang mencadangkan kawasan BTTR dijadikan sebagai hub ekopelancongan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

## **Infrastruktur dan masyarakat Orang Asli**

Infrastruktur sosial adalah satu keperluan prasarana yang penting dalam kehidupan manusia hari ini. Ia merujuk kepada kemudahan masyarakat, perkhidmatan, rangkaian yang membantu individu, keluarga, kumpulan dan masyarakat memenuhi keperluan sosial mereka.

Namun, pembangunan prasarana dan infrastruktur sosial tidak semuanya dapat dikecapi oleh semua golongan masyarakat terutama masyarakat Orang Asli. Senario ini turut berlaku di negara barat yang mempunyai penduduk peribumi. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh beberapa pengkaji mendapati, telah lama wujud kesedaran dalam masyarakat asal atau Pribumi mengenai kepentingan pembangunan yang merangkumi aspek prasarana dan infrastruktur sosial. Menurut Hunter (2005) kajian terhadap masyarakat pribumi di Australia menyatakan, masyarakat ini mengalami diskriminasi sosial yang cukup ketara terutama dalam kegiatan ekonomi, kemahiran dan penyediaan infrastruktur yang memaksa mereka hidup dalam serba kekurangan. Manakala Lorenzo Cherubini (2013) dalam kajian terhadap masyarakat Pribumi di Kanada, mendapati masyarakat tersebut telah mengalami sedikit pembangunan dalam kehidupan mereka terutama dalam aspek infrastruktur sosial seperti jalan raya dan ekonomi.


Keadaan yang sama turut berlaku di Malaysia, selepas negara mencapai kemerdekaan terdapat banyak projek pembangunan prasarana yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk memenuhi keperluan penduduk termasuk penyediaan kemudahan infrastruktur sosial. Berdasarkan kajian yang di jalankan mendapati, tahap pencapaian kemudahan di Malaysia amat memuaskan (Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke Tujuh 1996-2000). Namun bagi masyarakat Orang Asli, mereka masih kurang mendapat kemudahan prasarana ini berbanding dengan kaum lain di negara ini (Ramlee Abdullah, 2014). Pandangan yang sama turut dikongsi oleh Seow Ta Wee (2015) yang mengkaji masyarakat Orang Asli di Kampung Peta, Johor, beliau menyatakan walaupun pihak kerajaan menyediakan bantuan untuk mereka, namun ia masih belum memenuhi keperluan penduduk kerana prasarana dan infrastruktur tidak diurus dengan baik.

## **Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Banun**

Rancangan Pengumpulan Semula merupakan salah satu strategi kearah penyediaan prasarana yang lebih baik kepada Orang Asli. Penubuhan RPS pertama yang dikenali dengan RPS Banun pada 1979 (lihat Peta 3) dilihat sebagai langkah awal ke arah pembangunan masyarakat Orang Asli. Objektif awal adalah untuk menempatkan masyarakat ini di kawasan sekitar Belum-Temengor dan meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka. Namun tidak dinafikan terdapat agenda melibatkan isu keselamatan daripada pengaruh komunis turut sama menjadi pertimbangan utama pembinaan RPS. RPS Banun terletak di Kilometer 48 Jalanraya Timur-Barat, berkedudukan dua km daripada jalan utama dan lebih kurang 60 km dari Bandar Gerik, Perak (Zahid Emby et al., 1996; Nota Taklimat RPS Air Banun, 1999).

Dibangunkan secara berperingkat dengan menggunakan pendekatan pentadbiran berpusat dan diurus tadbir oleh JHEOA yang kini lebih dikenali dengan nama baru iaitu Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Antara kemudahan prasarana yang disediakan pejabat pentadbiran JAKOA, sekolah, asrama, kuarters guru, tadika, surau, dewan orang ramai, padang permainan dan rumah pelawat. Selain itu RPS Banun turut menerima kemudahan bekalan air bersih menerusi sistem telaga bumi dan bekalan elektrik

menerusi sistem janakuasa. Pembinaan RPS Banun telah menelan belanja sebanyak RM 184.2 juta. Manakala peruntukan mengurus dan menambah baik kemudahan asas yang disediakan diurus tadbir oleh JAKOA (Zahid Emby et al., 1996).



*Sumber:* Diubahsuai dari Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2012 dan Jabatan Pemetaan dan Ukur Malaysia

**Rajah 1.** Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Air Banun, 1980-an

Di peringkat awal Rancangan Pengumpulan Semula RPS Air Banun 14 buah kampung telah dipilih dan dari segi komposisi suku kaum Orang Asli yang terlibat adalah seramai 1,058 Orang Asli. Dari jumlah ini 64 peratus adalah terdiri dari suku Jahai, 34.5 peratus suku Temiar dan 0.4 peratus suku Semai (Itam Wali Nawan, 1993) Menjelang tahun 1999 pihak JAKOA telah merekodkan terdapat seramai 1,196 Orang Asli dan terdiri daripada 261 buah keluarga. Berdasarkan jumlah keseluruhan penduduk, 70 peratus adalah terdiri dari suku Jahai dan 30 peratus adalah dari suku Temiar (Nota Taklimat, 1999).

Namun kini hanya empat buah kampung sahaja yang masih kekal berada di RPS Air Banun semenjak 1983 (JAKOA, 2010). Kampung-kampung tersebut ialah Kampung Desa Permai, Kampung Desa Damai, Kampung Air Banun dan Kampung Sg Raba (JAKOA, 2013). Menerusi maklumat yang diperoleh daripada penduduk menyatakan kegagalan pihak kerajaan menyediakan sistem sokongan dalam program pembangunan ekonomi menyebabkan sebilangan besar masyarakat dari Kampung Sg Kejar, Kampung Sg. Tiang, Kampung Semelor dan Kampung Pulau Tujuh telah berpindah keluar dan kembali ke kampung masing-masing. Perpindahan ini berlaku disebabkan faktor seperti sosiobudaya suku kaum tersebut yang masih mengamalkan kehidupan berpindah randah, masalah sempadan kawasan saka yang bertindan, tiada asas ekonomi yang membolehkan mereka bekerja dan memperoleh pendapatan menghalang mereka terus tinggal di RPS Air Banun (rujuk Jadual 1).

**Jadual 1. Pola Petempatan RPS AIR Banun, 2015**

Nama Kampung	Kewujudan Petempatan	Ciri-Ciri Petempatan	Kategori Kampung
<b>RPS BANUN</b>			
Kg. Sg. Air Banun	Selepas 1983	Berkelompok	Sederhana
Kg. Sg. Raba	Selepas 1983	Sejajar	Sederhana
Kg. Desa Damai	Sebelum 1983	Sejajar/berkelompok	Sederhana
Kg. Desa Permai	Sebelum 1983	kelompok	Sederhana
Kg. Pengkalan Desa Permai	Sebelum 1983	Berselerak	Sederhana
Kg. Desa Ria	Selepas 1983	Berjajar/Berkelompok	Sederhana
Kg. Semelor	Selepas 1983	Berkelompok	Sederhana
Kg. Pulau Tujuh	Selepas 1983	Berkelompok	Mundur
Kg. Kabil	Selepas 2000	Berkelompok	Sederhana
<b>LUAR RPS BANUN</b>			
Kg. Selaor	Selepas 1983	Berselerak	Mundur
Kg. Sg. Tekam	Selepas 1983	Berselerak	Mundur
Kg. Sg. Kejar	Selepas 1983	Berselerak	Sederhana
Kg. Charok Bus	Selepas 1983	Berselerak	Mundur
Kg. Sg. Tebang	Selepas 1983	Berjajar	Mundur
Kg. Pos Chiong	Selepas 1983	Berselerak	Sederhana
Kg. Chuweh	Selepas 1983	Berkelompok	Sederhana
Kg. Sg. Tiang	Selepas 1983	Berkelompok	Sederhana

*Sumber:* Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2015, Biodata Perkampungan Orang Asli Negeri Perak, 2015.

Pergerakan atau perpindahan yang berlaku di kalangan masyarakat Orang Asli bukan perkara baru malah ia adalah sifat umum mereka yang akan berpindah walaupun telah menetap di kawasan penempatan kekal selama 40 tahun. Justeru pergerakan mereka berlaku disebabkan faktor amalan yang diwarisi nenek moyang mereka, kurang mata pencarian, ingin bercucuk tanam di kawasan yang baru dan ingin hidup secara sendirian.

### **Metodologi dan kawasan kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan secara kualitatif dan kuantitatif dalam proses pengumpulan data. Kajian lapangan selama tiga bulan bermula ada 20<sup>th</sup> November 2011 hingga 30 Januari 2012 telah dilakukan di Belum-Temengor. Kawasan ini telah digazetkan sebagai *Protected area* semenjak tahun 1991 hingga kini. Data dikumpul dan dianalisis berdasarkan inventori kemudahan prasarana dan perkhidmatan asas yang terdapat di kawasan kajian. Selain itu temu bual mendalam turut dilakukan ke atas 'key informant'.

Bertepatan dengan penubuhannya sebagai Rancangan Pengumpulan Semula pertama di Malaysia, RPS Air Banun telah dipilih sebagai sampel kajian. Ia terletak di utara Banjaran Titiwangsa dan berhampiran Tasik-Temengor. Kedudukan adalah 225 meter hingga 690 meter dari paras laut dan boleh diekses melalui lebuhraya Timur-Barat (Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, 2010).

RPS Air Banun merupakan sebuah Rancangan Pengumpulan Semula yang besar kerana ia melibatkan 14 buah perkampungan Orang Asli yang terdiri dari suku kaum Jahai dan Temiar (JAKOA, 2000). Namun untuk kajian ini hanya sembilan buah perkampungan Orang Asli yang terletak di sekitar Pusat Pentadbiran RPS Air Banun sahaja yang dipilih dan ia terdiri daripada Kampung Sg. Air Banun, Kampung Sg. Raba, Kampung Pengkalan Permai, Kampung Desa Permai, Kampung Desa Damai, Kampung Desa Ria, Kampung Kabil, Kampung Pulau Tujuh dan Kampung Semelor.

## Analisis kajian

Hasil analisis mendapati beberapa perkara dibincangkan untuk melihat sejauh mana keberkesanan kerajaan dalam menyediakan infrastruktur sosial kepada Orang Asli antaranya, kemudahan prasarana dan perkhidmatan asas, aktiviti ekonomi, keperluan asas, perkhidmatan dan peluang ekonomi.

### *Kajian perkampungan masyarakat Orang Asli, RPS Air Banun*

Penyediaan infrastruktur sosial di kawasan kajian melibatkan sembilan buah perkampungan Orang Asli di RPS Air Banun. Majoriti penduduk adalah suku kaum Temiar dan Jahai. Setiap perkampungan di diketuai oleh seorang Batin, namun bagi Kampung Air Banun dan Kampung Sg. Raba terdapat dua orang Batin disebabkan bilangan penduduknya yang ramai.

### *Kemudahan prasarana dan perkhidmatan*

Hasil kajian mendapati kemudahan prasarana dan perkhidmatan seperti jalan raya, bekalan elektrik, air, dewan solat, tempat pelupusan sampah, klinik, tadika, dewan orang ramai, sistem perparitan terancang, jeti, lampu jalan dan internet disediakan. Namun kemudahan ini hanya terdapat di perkampungan tertentu sahaja. Sementara di kawasan perkampungan yang lain hanya sebahagian sahaja daripada kemudahan ini disediakan. Hanya kemudahan generator, tandas, dewan komuniti, dewan solat dan kawasan pembakaran disediakan di semua perkampungan Orang Asli di RPS Air Banun.

Berdasarkan Jadual 2, Kampung Air Banun dan Semelor mempunyai kemudahan asas yang paling banyak berbanding dengan perkampungan lain. Sementara sistem jalan raya yang terdapat di hampir semua penempatan Orang Asli di kawasan kajian adalah jalan berturap, kecuali Kampung Desa Ria. Hampir semua penempatan Orang Asli menggunakan kemudahan janakuasa bekalan elektrik kecuali Kampung Pulau Tujuh yang menggunakan sistem tenaga solar. Kebanyakan kawasan perkampungan disediakan dengan kemudahan tandas kecuali di Kampung Desa Ria. Manakala Kampung Semelor mempunyai kedua-dua bentuk tandas iaitu tandas curah dan tambunan.

**Jadual 2. Kemudahan prasarana dan perkhidmatan 1**

Kampung	Jalan Raya			Generator	Elektrik		kebersihan	
	Tar	Literate	Pejalan Kaki		Solar	Grid Utama	Tandas	Bukan Tandas
Kg. Air Banun	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Tiada	Ada	Tiada
Kg. Sg. Raba	Ada	Tiada	Ada	Ada	Tiada	Tiada	Ada	Tiada
Kg. Semelor	Ada	Tiada	Ada	Ada	Ada	Tiada	Ada	Ada
Kg. Desa Damai	Ada	Tiada	Ada	Ada	Tiada	Tiada	Ada	Tiada
Kg. Peng. Permai	Ada	Tiada	Ada	Ada	Tiada	Tiada	Ada	Tiada
Kg. Desa Permai	Ada	Tiada	Ada	Ada	Tiada	Tiada	Ada	Tada
Kg. Desa Ria	Tiada	Tiada	Ada	Ada	Ada	Tiada	Tiada	Tiada
Kg. Pulau Tujuh	Ada	Ada	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Ada	Tiada
Kg. Kabil	Ada	Tiada	Ada	Ada	Tiada	Tiada	Ada	Tiada

*Sumber:* Kaji Selidik Perkampungan Orang Asli, 2012

Jadual 3 menunjukkan kemudahan bekalan air bersih dan kemudahan pelupusan sampah di kawasan kajian. Hasil kajian mendapati sebahagian besar perkampungan mendapat bekalan air bersih daripada sungai dan perigi yang menggunakan sistem graviti sebagai sumber air utama. Antara penempatan yang menggunakan sumber tersebut adalah Kampung Air Banun, Kampung Sg. Raba, Kampung Desa Permai, Kampung Pengkalan Permai, Kampung Pulau Tujuh, Kampung Desa Ria dan Kampung Semelor.



Manakala Kampung Kabil tidak mempunyai kemudahan tersebut kerana kampung ini merupakan kampung yang baru dibentuk oleh penduduknya. Dari segi pembuangan sisa, seluruh kampung di kawasan kajian mempunyai sistem pembakaran terbuka kecuali di Kampung Air Banun yang mempunyai dua sistem iaitu sistem pembakaran terbuka dan pembuangan kawasan lambakkan. Sementara Kampung Semelor menggunakan teknik-teknik pelupusan sampah secara dikebumikan atau ditanam.

**Jadual 3. Kemudahan prasarana dan perkhidmatan 2**

Kampung	Bekalan Air Bersih				Kemudahan Pembuangan Sisa			
	Sungai	Perigi	Sistem Graviti	Hujan	Pembakaran terbuka	Kawasan Lambakan	Dikebumikan / ditanam	Teknik Pelupusan sampah / dirawat
Kg. Air Banun	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Ada	Ada	Tiada	Tiada
Kg. Sg. Raba	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Tiada	Tiada
Kg. Semelor	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Ada	Tiada
Kg. Desa Permai	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Tiada	Tiada
Kg. Peng. Permai	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Tiada	Tiada
Kg. Desa Damai	Tiada	Tiada	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Tiada	Tiada
Kg. Desa Ria	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Ada	Tiada	Tiada	Tiada
Pulau Tujuh	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Tiada	Tiada
Kabil	Tiada	Tiada	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Tiada	Tiada

Sumber: Kaji Selidik Perkampungan Orang Asli, 2012

Jadual 4 menunjukkan prasarana seperti kemudahan dewan komuniti, surau, kemudahan pusat pentadbiran, lampu jalan, sistem perparitan, jeti dan kemudahan internet. Kampung Air Banun memiliki sebahagian besar kemudahan seperti dewan komuniti, surau, pusat pentadbiran dan lampu jalan. Sementara di Kampung Semelor terdapat dewan komuniti, surau dan jeti. Di Kampung Pulau Tujuh pula terdapat surau dan jeti. Manakala Kampung Desa Damai hanya terdapat kemudahan surau. Tiada sebarang kemudahan yang disediakan di Kampung Desa Permai, Kampung Pengkalan Permai dan Kampung Kabil. Malah tidak ada kampung yang mempunyai kemudahan internet, walaupun masyarakat Malaysia digalakkan oleh kerajaan untuk memanfaatkan teknologi dalam kehidupan seharian.

**Jadual 4. Kemudahan prasarana dan perkhidmatan 3**

Kampung	Dewan komuniti	Surau	Kemudahan Pusat Pentadbiran	Lampu Jalan	Kemudahan Sistem perparitan Terancang	Jeti	Internet
Kg. Air Banun	Ada	Ada	Ada	Ada	Tiada	Tiada	Tiada
Kg. Sg. Raba	Tiada	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Kg. Semelor	Ada	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	Ada	Tiada
Kg. Desa Permai	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Kg. Peng. Permai	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Kg. Desa Damai	Tiada	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Kg. Desa Ria	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Kg. Pulau Tujuh	Tiada	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	Ada	Tiada
Kg. Kabil	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada

Sumber: Kaji Selidik Perkampungan Orang Asli, 2012

Seterusnya, Jadual 5 menunjukkan kemudahan prasarana dan perkhidmatan pendidikan, kesihatan dan perumahan. Hampir semua perkampungan di kawasan kajian tidak disediakan dengan tersebut kecuali Kampung Air Banun. Sementara itu, semua kampung mempunyai kemudahan perumahan yang disediakan oleh pihak JAKOA, namun tidak semua penduduk mendiami rumah yang didirikan oleh pihak JAKOA kerana masih terdapat penduduk yang mendiami rumah sendiri. Bagi kampung yang tidak mempunyai kemudahan klinik kesihatan seperti Kampung Semelor, Kampung Desa Damai dan Kampung Pulau Tujuh, penduduk menerima lawatan dari Unit Kesihatan Daerah.

**Jadual 5. Kemudahan prasarana dan perkhidmatan 4**

Kampung	Sekolah			Kemudahan Kesihatan		Perumahan	
	Pra-sekolah	Rendah	Menengah	Kemudahan Kesihatan	Lawatan Unit Kesihatan	Rumah Bantuan Kerajaan	Rumah Sendiri
Kg. Air Banun	Tiada	Ada	Ada	Ada	Ada	13	-
Kg. Sg. Raba	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	19	3
Kg. Semelor	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Ada	24	1
Kg. Peng Permai	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	11	3
Kg. Desa Damai	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Ada	20	10
Sg. Desa Permai	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	5	1
Kg. Desa Ria	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	4	15
Pulau Tujuh	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Ada	7	2
Kabil	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	4	3

Sumber: Kaji selidik Perkampungan Orang Asli, 2012

*Aktiviti ekonomi perkampungan Orang Asli di RPS Air Banun*

Hasil analisis terhadap kegiatan ekonomi di RPS Air Banun mendapati, semua perkampungan di kawasan kajian (rujuk Jadual 6) menjadikan kegiatan penanaman getah sebagai tanaman utama, kecuali Kampung

**Jadual 6. Aktiviti pertanian masyarakat Orang Asli, RPS Air Banun**

Aktiviti Pertanian	Bilangan (Responden)	Tanaman utama ( Getah )		Jual hasil tanaman			Di jual kepada			Memenuhi keperluan Hidup		Penggunaan Baja & racun		Gangguan (babi & gajah )		Bantuan kerajaan	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	Orang Tengah	Agensi Kerajaan	Pembeli	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	
Kampung	Bil																
Kg. Air Banun	25	25	0	1	24	1	0	24	1	24	3	22	25	0	1	24	
Kg. Sg. Raba	22	22	0	0	22	10	0	12	0	22	10	12	22	0	0	22	
Kg. Peng. Permai	15	14	1	9	6	6	0	9	1	14	8	7	14	1	2	13	
Kg. Semelor	31	17	14	8	23	8	0	23	0	31	0	31	10	21	1	30	
Kg. Desa Ria	15	15	0	0	15	7	0	8	3	12	5	10	15	0	1	14	
Kg. Pulau Tujuh	13	3	10	2	11	2	1	10	0	13	0	13	3	10	0	13	
Kg. Kabil	2	2	0	1	1	1	0	1	0	2	1	1	1	1	1	2	
<b>Jumlah</b>	<b>123</b>	<b>98</b>	<b>25</b>	<b>21</b>	<b>102</b>	<b>35</b>	<b>1</b>	<b>87</b>	<b>5</b>	<b>118</b>	<b>27</b>	<b>96</b>	<b>90</b>	<b>33</b>	<b>6</b>	<b>117</b>	

Sumber: Kaji selidik perkampungan Orang Asli, 2012



Pengkalan Permai, Kampung Semelor dan Kampung Pulau Tujuh. Hasil getah yang diperolehi dijual kepada orang tengah yang terdiri daripada penduduk tempatan, peraih luar, atau FELCRA. Hanya sebahagian kecil daripada pekebun ini menggunakan baja dan racun untuk tanaman mereka. Antara masalah utama pekebun kecil disini adalah gangguan babi dan gajah yang merosakkan tanaman.

Dari segi bantuan penanaman, sebahagian kecil pekebun kecil (6 orang) yang mendapat bantuan dari agensi kerajaan. Manakala majoriti pekebun kecil (120 orang) tidak menerima sebarang bentuk bantuan dari kerajaan untuk penanaman getah.

Selain aktiviti pertanian penduduk di sini turut terlibat dengan kegiatan ekonomi lain seperti petani, pemotong kayu, nelayan, mengumpul hasil hutan dan menghasilkan kraftangan (lihat Jadual 7). Analisis kajian mendapati majoriti penduduk di RPS Air Banun masih melibatkan diri dengan aktiviti mengumpul hasil hutan sebagai kegiatan ekonomi utama mereka.

**Jadual 7. Kegiatan ekonomi kategori (Swasta)**

Kampung	Bilangan Responden	Petani		Pemotong kayu		Nelayan		Mengumpul Hasil Hutan		Membuat Kraf tangan		Guru Tadika		Pembantu kedai runcit		Lain-lain	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Kg. Air Banun	25	3	22	1	24	1	24	15	10	1	24	0	25	0	25	0	25
Kg. Sg. Raba	22	0	22	1	21	0	22	1	21	0	22	0	22	0	22	0	22
Kg. Peng. Permai	15	0	15	0	15	0	15	0	15	0	15	0	15	0	15	0	15
Kg. Semelor	31	0	31	0	31	0	31	0	31	0	31	0	31	0	31	31	0
Kg. Desa Ria	15	0	15	0	15	1	14	0	15	0	15	0	15	0	15	0	15
Kg. Pulau Tujuh	13	0	13	0	13	1	12	0	13	0	13	0	15	0	13	13	13
Kg. Kabil	2	0	2	0	2	0	2	0	2	1	1	0	2	0	2	0	2
<b>Jumlah</b>	<b>123</b>	<b>3</b>	<b>120</b>	<b>2</b>	<b>121</b>	<b>3</b>	<b>120</b>	<b>16</b>	<b>107</b>	<b>2</b>	<b>121</b>	<b>0</b>	<b>123</b>	<b>0</b>	<b>123</b>	<b>44</b>	<b>79</b>

Sumber: Kaji selidik perkampungan Orang Asli, 2012

Jadual 8 memberi gambaran tentang penglibatan masyarakat Orang Asli di RPS Air Banun sebagai kakitangan kerajaan. Antara jenis pekerjaan yang dikategorikan sebagai kakitangan kerajaan melibatkan

**Jadual 8. Aktiviti ekonomi kategori kakitangan kerajaan**

Kampung	Bilangan Responden	Taman Negeri		Tentera		Jabatan Perikanan		JAKOA		Polis		Guru Sekolah		Guru Tadika	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Kg. Sg. Banun	25	0	25	0	25	0	25	0	25	0	25	0	25	0	25
Kg. Sg. Raba	22	2	20	0	22	0	22	0	22	1	21	0	22	0	22
Kg. Pengkalan Permai	15	0	15	0	15	0	15	0	15	0	15	0	15	0	15
Kg. Semelor	31	0	31	2	29	0	31	0	31	1	30	0	31	0	31
Kg. Desa Ria	15	0	15	0	15	0	15	1	14	0	15	0	15	0	15
Kg. Pulau Tujuh	13	0	13	0	13	0	13	1	12	0	13	0	13	0	13
Kg. Kabil	2	0	2	0	2	0	2	0	2	0	2	0	2	0	2
<b>Jumlah</b>	<b>123</b>	<b>2</b>	<b>121</b>	<b>0</b>	<b>123</b>	<b>0</b>	<b>123</b>	<b>2</b>	<b>121</b>	<b>2</b>	<b>121</b>	<b>0</b>	<b>123</b>	<b>0</b>	<b>123</b>

mereka yang bekerja dengan jabatan-jabatan kerajaan di peringkat negeri atau pusat seperti kakitangan Taman Negeri, angkatan tentera, jabatan perikanan, polis, guru, guru tadika dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Dari jumlah keseluruhan penduduk hanya lapan orang yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan.

Jadual 9 menunjukkan aktiviti ekonomi bagi masyarakat Orang Asli yang bekerja sendiri seperti membuka ladang sendiri, memotong kayu, nelayan, mengumpul hasil hutan, membuat kraf tangan dan membuka kedai runcit. Secara keseluruhan, hampir semua kampung di kawasan kajian menjalankan aktiviti tersebut. Aktiviti ekonomi secara membuka ladang sendiri dan mengumpul hasil hutan lebih banyak dijalankan oleh mereka terutama di Kampung Pengkalan Permai, Kampung Desa Damai, Kampung Desa Ria, Kampung Pulau Tujuh dan Kampung Air Banun.

**Jadual 9. Aktiviti ekonomi (Bekerja sendiri)**

Kampung	Bilangan Responden	Ladang Sendiri		Memotong Kayu		Nelayan		Mengumpul Hasil Hutan		Kraf tangan		Kedai Runcit	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Kg. Air Banun	25	0	25	0	25	0	25	1	24	0	25	0	25
Kg. Sg. Raba	22	0	22	0	22	0	22	0	22	0	22	0	22
Kg. Peng. Permai	15	8	7	0	15	1	14	3	12	0	15	0	15
Kg. Semelor	31	0	31	0	31	0	31	0	31	0	31	0	31
Kg. Desa Ria	15	3	12	5	10	3	12	3	12	0	15	0	11
Kg. Pulau Tujuh	13	0	13	0	13	0	13	2	13	0	13	0	13
Kg. Kabil	2	1	1	0	2	0	2	1	1	0	2	0	2
<b>Jumlah</b>	<b>123</b>	<b>12</b>	<b>111</b>	<b>5</b>	<b>118</b>	<b>4</b>	<b>119</b>	<b>10</b>	<b>113</b>	<b>0</b>	<b>123</b>	<b>0</b>	<b>123</b>

Sumber: Kaji selidik Perkampungan Orang Asli, 2011

## Perbincangan

### *Keperluan infrastruktur sosial di Perkampungan Orang Asli, di RPS Air Banun*

Pembangunan sosial terutama dalam keperluan prasarana dan perkhidmatan awam amat penting kepada semua masyarakat termasuk masyarakat Orang Asli. Pembangunan sosial yang telah disediakan kepada masyarakat Orang Asli bukan sahaja dalam bentuk fizikal malah pelbagai kemudahan perkhidmatan dan program dengan matlamat untuk membasmi kemiskinan, buta huruf, melahirkan masyarakat yang berdaya saing dan mampu hidup seiring dengan masyarakat lain turut disediakan. Misalnya, Rancangan Pengumpulan Semula Air Banun, di mana kampung-kampung Orang Asli diletakkan bawah satu pentadbiran yang turut disediakan kemudahan seperti pejabat pentadbiran, kuarters, dewan orang ramai, surau, tadika dan sekolah.

Namun apa yang berlaku, pihak berwajib lebih menekankan penyediaan kemudahan dari segi fizikal sahaja malah kemudahan ini tidak dibina secara sama rata. Penyediaan keperluan ekonomi yang membolehkan penduduk memperoleh pendapatan untuk hidup kurang diberi perhatian. Keadaan ini memaksa penduduk kembali ke tempat asal untuk melakukan kegiatan ekonomi bergantung kepada kaedah dan pengetahuan tradisi. Selain itu pihak berwajib juga gagal mengenal pasti isu yang berkaitan dengan sosio budaya suku kaum dan isu tanah saka. Suku Temiar dan suku Jahai mempunyai cara hidup yang berbeza dalam banyak aspek justeru penempatan mereka di kawasan yang sama tanpa mengambil kira isu ini pasti ada implikasi penyatuan dan kerjasama. Begitu juga isu tanah saka, penduduk yang menyertai penduduk asal akan berhadapan dengan isu tanah saka kerana tanah saka adalah nadi milik

penduduk asal dan penduduk yang menyertai RPS tidak dapat mewarisi tanah saka. Oleh itu, situasi tersebut menyebabkan mereka tidak dapat menikmati kemudahan yang disediakan dengan sepenuhnya.

### *Peluang ekonomi Orang Asli di RPS Air Banun*

Selari dengan perubahan masa dan perkembangan masyarakat yang berdepan dengan tuntutan hidup yang semakin mencabar, maka peluang ekonomi baru perlu diterokai bagi memastikan masyarakat Orang Asli tidak terus dihipit kemiskinan antaranya industri herba, renjer hutan dan industri kraftangan yang berpotensi untuk dikembangkan. Justeru itu, pihak JAKOA telah mengetengahkan idea ini sebagai salah satu peluang masyarakat Orang Asli untuk menjana ekonomi mereka (JAKOA, 2013).

Namun dalam merealisasikan peluang ini tidak dapat dinafikan ada cabaran yang perlu ditempuhi. Misalnya dalam industri herba, mereka dihalang oleh kekurangan kepakaran dari segi teknologi untuk menghasilkan produk berkualiti. Begitu juga dengan bidang pekerjaan khususnya sebagai renjer hutan sebagai penguat kuasa, pemantau pengurusan sumber hutan dan pemberi khidmat nasihat tentang penjagaan serta pemuliharaan hutan, ianya berpotensi kepada Orang Asli yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan tentang hutan. Namun kekurangan dari segi penguasaan bahasa, pergaulan, kekurangan latihan dan pendidikan yang rendah menjadi halangan, walaupun peluang ekonomi seperti ini termetera didalam IMP BTTR di mana masyarakat Orang Asli sebagai pihak berkepentingan dalam kegiatan ekopelancongan.

Manakala dalam bidang perikanan merupakan industri yang berisiko tinggi dan bersifat intensif dan memerlukan modal yang besar. Halangan ini membantutkan penglibatan masyarakat Orang Asli untuk melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Walau bagaimana pun begitu, pihak kerajaan dengan bantuan pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) harus memberi sokongan dan bantuan untuk memenuhi keperluan bagi merealisasikan potensi yang dimiliki mereka.

Bagi tujuan melibatkan masyarakat setempat, 'capacity-building' telah dirancang bagi memperkasakan keupayaan mereka. Namun, tanpa infrastruktur sosial seperti tahap pendidikan yang asas, keupayaan bertutur dalam Bahasa Inggeris, keupayaan menjalankan perniagaan sendiri, akses kepada kapital, lencana hijau bagi menjadi pemandu pelancong sah dan juga infrastruktur fizikal seperti jeti dikawasan kampung, *bot fiberglass* dan enjin motor, sumber air minum yang bersih, bekalan elektrik, dan sebagainya, menyebabkan keberkesanaan penglibatan masyarakat Orang Asli sebagai pihak berkepentingan adalah terbatas.

## **Cadangan**

Penyediaan infrastruktur sosial yang menjadi keperluan setiap kelompok masyarakat bukanlah sesuatu yang harus dipandang ringan walau di mana kita berada. Keperluan ini adalah penting untuk masyarakat meneruskan kehidupan yang sempurna. Oleh itu, masyarakat Orang Asli tidak harus diabaikan untuk menerima kemudahan asas yang sama seperti masyarakat Malaysia lain.

Dari segi keperluan prasarana dan perkhidmatan awam, usaha penyediaan kemudahan asas yang dirancang dan di laksanakan oleh kerajaan mendapati berada pada tahap yang rendah dan tidak mencukupi. Bagi mengatasi masalah tersebut, pihak kerajaan dengan bantuan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) disarankan agar dapat menaik taraf dan meningkatkan penyediaan kemudahan prasarana asas sosial kepada Orang Asli.

Dalam sistem perancangan pembangunan, walaupun pihak kerajaan tidak mempunyai piawaian garis panduan mampan yang ditetapkan seperti yang dinyatakan di dalam (Akta 172) oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa dalam penyediaan kemudahan prasarana kerana faktor bilangan masyarakat yang begitu kecil dan agak jauh di kawasan pedalaman. Namun, peruntukan perkhidmatan dan kemudahan prasarana asas perlu disediakan walaupun ia tidak menepati garis panduan yang ditetapkan. Penyesuaian perlu dilakukan selaras dengan keperluan yang mendesak.

Bagi peluang ekonomi, pihak kerajaan dan badan swasta perlu memberi peluang serta bantuan terutama penyediaan peluang pekerjaan yang berasaskan teknologi dan pengetahuan peribumi. Contohnya dalam industri herba, masyarakat ini mempunyai pengetahuan yang diperlukan, namun kurang mendapat pendedahan serta latihan untuk penghasilan herba secara komersial. Masyarakat juga perlu digalakan untuk menanam herba-herba ini supaya penghasilannya dapat diteruskan untuk jangka masa panjang.

Selain itu, kemahiran yang dimiliki khususnya berkaitan penghasilan produk kraftangan perlu diberi tumpuan. Memandangkan hasil kraf tangan mempunyai nilai komersial yang tersendiri. Apa yang perlu dilakukan adalah pemantauan dari segi kualiti dan penjagaan perlu dilakukan untuk memastikan mereka dapat menarik minat masyarakat tempatan serta pelancong asing.

Akhir sekali, seperti yang dicadangkan didalam bahagian *Appendix 3: FGDs with Orang Asli* di dalam IMP BTTR, penglibatan Orang Asli harus berteraskan pembangunan yang melibatkan Orang Asli dalam ekopelancongan bukan sekadar bahan pameran atau sebagai tenaga kerah sahaja. Sebaliknya menghormati Orang Asli sebagai tuan tanah di BTTR, di kawasan tadbitan RPS Air Banun seperti yang diiktirafkan JAKOA malah penglibatan mereka sebagai pihak berkepentingan dan rakan kongsi bagi merealisasikan pelan ekopelancongan seperti mana yang dirancang oleh NCIA pada tahun 2012.

## Kesimpulan

Penyediaan infrastruktur sosial dalam kehidupan manusia adalah sangat penting kerana ia merupakan asas utama masyarakat untuk menjalankan aktiviti harian mereka. Pembangunan sosial memainkan peranan penting dalam masyarakat kerana ia boleh menyatukan negara, pembangunan modal sosial, mengekalkan kualiti hidup dan membangunkan kemahiran serta mempunyai daya tahan untuk membentuk masyarakat yang kukuh. Proses pembangunan sosial mampu untuk membentuk sebuah masyarakat Orang Asli yang dinamik dengan meningkatkan kemajuan sosioekonomi mereka dan dalam masa yang sama mengekalkan cara hidup tradisional dan budaya asal.

Dalam usaha untuk memenuhi keperluan mereka, pihak kerajaan, seperti Jabatan perancangan bandar dan desa (JPBD), JAKOA dan NCIA, perlu menjalankan pengubahsuaian dalam perancangan pembangunan dengan meletakkan petunjuk yang sesuai untuk pembangunan masyarakat Orang Asli. Transformasi penempatan asas perlu berada pada landasan yang betul untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Dalam usaha kerajaan menjalankan pembangunan menyeluruh, pihak kerajaan dan agensi yang terlibat perlu mencari inisiatif, strategi perancangan yang bersesuaian dengan kedudukan dan keperluan masyarakat ini untuk membantu mereka supaya hidup lebih terancang dan sempurna pada masa hadapan.

## Penghargaan

Para penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaya untuk Geran RG125/11SUS bagi menjayakan projek penyelidikan ini.

## Rujukan

- A Latif, I Faridah-Hanum (2011) 'Role and Functions of Royal Belum State Park in 'Biodiversity Conservation and Ecotourism'. In: Abd. Rahman Abd. Rahim, H.L. Loh, Muhamad Abdullah, A. Latiff (eds) *Taman Negeri Diraja Belum, Perak: Pengurusan Hutan, Persekitaran Fizikal, Kepelbagaian Biologi dan Sosio-Ekonomi. Siri Kepelbagaian Biologi Hutan Siri 15*. Jabatan Hutan Semenanjung Malaysia, Kuala Lumpur.
- Akta Orang Asli (1954) Semua Pindaan Hingga, January 15-16, 1995.

- Colin Nicholas (1997) *The Orang Asli of Peninsular, Malaysia*. Center for Orang Asli Concerns. Available from: [www.magicmaker.net/oa.htm](http://www.magicmaker.net/oa.htm).
- Edo J, Fadzil K S (2003) *Orang Asli Facing the 21<sup>st</sup> Century: Exploring issues and challenges*. *Man and Society* **13**.
- Gomes A G (2004) *The Orang Asli of Malaysia*. *International Institute For Asian Studies (IIAS) Newsletter*.
- Gomes A G (1991) *Commoditization and social relations among the Semai of Malaysia*.
- Gomes A G (2004) *Looking for money: Capitalism and modernity in an Orang Asli village*. Trans Pacific Press.
- Gomes A G (2007) *Modernity and Malaysia: Settling in Menraq Forest Nomads*. Routledge, Oxon.
- Hunter B H (2005) *The role of diskrimination and the exclusion of Indigenous People from the labour market*. In: D. Austin-Broos, G. Macdonald (eds) *Culture Economy and Governance in Aboriginal Australia*, 79-94. University Of Sydney Press, Sydney.
- JHEOA (2002) *Kehidupan, budaya dan Pantang Larang Orang Asli (Lifestyles, Culture and Taboos of Orang Asli)*. JHEOA, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kuala Lumpur.
- JHEOA (2011) *Pelan strategik legal framework for establishing regional planning authority for Malaysia*.
- JAKOA (2015) *Data maklumat profil perkampungan Orang Asli Gerik, Negeri Perak*.
- Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2010) *Laporan Garis Panduan Kemudahan Masyarakat 2010*. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Malaysia.
- Lorenzo Cherubini, Ed D (2013) *Perspectives on sustanaible development: Research And Education*. *The American Association of Behavioral and Social Sciences (AABSS)* **15**, 16-23.
- Mohd Nur Syufaat, Seow Ta Wee (2015) *Kehidupan transformasi pembangunan sosioekonomi Orang Asli*. *Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar kali Ke 4*. Anjuran Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Malaysia (1981) *Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985*. Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur.
- Mustafa Omar (2008) *Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) masyarakat Orang Asli: Pencapaian dan cabaran*. In: Ma'Rof Redzuan, Satjit S. Gill (eds) *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- NCIA (2012) *Intergrated Management Plan for the Belum Temengor Tropical Rainforest Final Report*.
- Nicholas C (1996) *The Orang Asli of Peninsular Malaysia*. In: Nicholas C, Singh R (eds) *Indigenous people of Asia. many peoples, one struggle*. Malayan Forest Records No. 43, pp. 157-176.
- Nicholas C (2000) *The Orang Asli and the contest for resources: Indigenous politics, development and identity in Peninsular Malaysia*. International Work Group for Indigenous Affairs, Denmark.
- Ramlee Abdullah (2014) *Orang Asli pembangunan dan transformasi*. Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu.
- Siti Nor Awang (1996) *Pembangunan dan perubahan sosial: Kajian Kes Masyarakat Orang Asli dari Suku Kaum Jakun di Rompin Pahang*. (Thesis MA). Universiti Malaya.
- Siti Nor Awang (1999) *Cabaran pembangunan masyarakat Orang Asli*. *Journal Manusia dan Masyarakat* **11**, 118-134.